

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BERTULIS**  
**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : DATO' MOHD ARIFF SABRI BIN**  
**ABDUL AZIZ**  
**[ RAUB ]**

**TARIKH : -**

**SOALAN**

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Haji Mohamad minta MENTERI**  
**TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR menyatakan:-**

- (a) apakah langkah-langkah yang diambil pihak Kementerian untuk mengatasi masalah bekalan air di daerah Raub yang kian teruk; dan
- (b) apakah langkah-langkah yang diambil oleh pihak Kementerian untuk mencegah kawasan tadahan air dicerobohi oleh pembalok-pembalok haram.

## JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Bagi mengatasi masalah bekalan air di Daerah Raub, Kerajaan Persekutuan telah menyediakan peruntukan sejumlah RM87,311,360.00 bagi Projek Bekalan Air Raub. Projek tersebut telah bermula semenjak RMK-9 dan disambung hingga RMK-11 melibatkan beberapa pakej kontrak yang telah dirancang seperti pembinaan Loji Rawatan Air Tras, pemasangan paip utama dari Loji Rawatan Air Bilut ke tangki simpanan Bandar Raub dan pemasangan paip dari Chendera ke Rokam yang telahpun disiapkan.
2. Di bawah RMK-10 pula terdapat dua (2) pakej kontrak yang telah dikeluarkan iaitu melibatkan kerja-kerja menaik taraf Loji Rawatan Air Keloi dan Loji Rawatan Air Sungai Bilut. Kerja menaik taraf LRA Keloi yang melibatkan kos sejumlah RM45,400,000.00 telah bermula pada 9 Jun 2014 dan dijangka siap pada 14 November 2016. Kemajuan kerja semasa telahpun mencapai 74.6%.

3. Dengan siapnya projek ini, sebahagian daripada masalah bekalan air di daerah Raub terutama yang melibatkan kawasan penempatan yang terletak di laluan Raub – Lipis dan sebahagian Bandar Raub dapat diselesaikan. Ketika ini gangguan bekalan air di daerah Raub kerap berlaku kerana loji rawatan air terpaksa ditutup operasinya kesan daripada tahap kekeruhan air sungai yang sangat tinggi.
  
4. Manakala kerja menaik taraf LRA Sungai Bilut telah bermula pada 27 Julai 2015 dan dijangka siap pada 26 Jun 2016 dengan kos RM4,874,728.00. Kemajuan kerja semasa telahpun mencapai 53%. Kerja-kerja menaik taraf LRA Sungai Bilut ini adalah bertujuan untuk menyediakan bekalan air kepada Kampus UiTM Cawangan Raub yang telah mula beroperasi pada tahun 2016.
  
5. Di bawah Perlembagaan Persekutuan, hutan adalah termaktub di bawah bidang kuasa negeri. Kerajaan Negeri seharusnya mewartakan kawasan hutan terbabit sebagai kawasan tadahan air di bawah enakmen sumber air negeri masing-masing. Melalui pewartaan terbabit, Kerajaan Negeri bolehlah menghalang sebarang bentuk pencerobohan ke atas kawasan tadahan air

bagi sebarang tujuan seperti pembalakan, pertanian dan pembangunan melalui tindakan perundangan yang boleh diambil ke atas setiap penceroboh terbabit.

6. Di peringkat Kerajaan Persekutuan, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar bersama-sama Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia telah mengambil beberapa langkah penting bagi memastikan kawasan tadahan air ini dilindungi, dipelihara dan diuruskan secara terbaik melalui amalan pengurusan hutan secara berkekalan, antaranya seperti berikut:
  - (i) Mewartakan kawasan yang telah dikenal pasti sebagai Hutan Tadahan Air mengikut keperluan seksyen 10(1)(e) Akta Perhutanan Negara 1984. Sehingga Disember 2015, seluas 734,731 hektar telah diwartakan sebagai Hutan Tadahan Air. Kemajuan status pewartaan kawasan Hutan Tadahan Air dipantau melalui Mesyuarat Majlis Tanah Negara setiap tahun;
  - (ii) Jabatan Perhutanan Negeri dikehendaki menyediakan preskripsi pengurusan yang khusus bagi kawasan Hutan Tadahan Air dalam Rancangan Pengurusan Hutan di

**JAWAPAN: YB PUAN HAJAH NANCY SHUKRI**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Statistik penumpang (*passenger trip*) dan hasil tambang (*ticket revenue*) untuk perkhidmatan KTM Komuter, LRT dan Monorail di kawasan Greater KL/ Klang Valley setiap tahun dari tahun 2014 adalah seperti yang berikut:

**(i) KTM Komuter**

<b>TAHUN</b>	<b>JUMLAH PENUMPANG</b>	<b>HASIL TAMBANG (RM)</b>
<b>2014</b>	46,956,723	112,853,010
<b>2015</b>	49,582,633	119,875,909
<b>Januari 2016</b>	3,846,286	12,874,461

**(ii) LRT Ampang**

<b>TAHUN</b>	<b>JUMLAH PENUMPANG</b>	<b>HASIL TAMBANG (RM)</b>
<b>2014</b>	63,270,408	89,022,190
<b>2015</b>	62,809,397	92,143,341
<b>Januari 2016</b>	4,837,688	7,215,546

**(iii) LRT Kelana Jaya**

<b>TAHUN</b>	<b>JUMLAH PENUMPANG</b>	<b>HASIL TAMBANG (RM)</b>
<b>2014</b>	81,971,322	142,604,453
<b>2015</b>	82,073,146	147,859,642
<b>Januari 2016</b>	6,328,428	15,048,275

**(iv) Monorel**

<b>TAHUN</b>	<b>JUMLAH PENUMPANG</b>	<b>HASIL TAMBANG (RM)</b>
<b>2014</b>	24,303,465	35,831,808
<b>2015</b>	25,067,866	39,932,562
<b>Januari 2016</b>	1,863,066	3,852,080

Sekian, terima kasih.